

PENYELEWENGAN KITAB TAURAT DAN PENJELASANNYA DI DALAM AL-QUR'AN

Oleh:

Mustaffa bin Abdullah
dan RAP Ishkandar Shah bin Raja Baharudin

Abstract

The books of the Jewish Bible are divided into three sections, which is the Torah "al-Taurat," Neviim (the books of the Jewish Prophets) and Ketuvim (the sacred writings). According to Jewish tradition, the Torah is 'believed' as the Word of God despite many errors in it. This is because of the Jewish rabbis and scribes who were responsible to change and to give the new interpretation to the Torah.

PENDAHULUAN

Seringkali umat Islam didedahkan dengan pelbagai maklumat mengenai penyelewengan kitab Taurat atau Torah (seperti mana yang dikenali oleh orang Yahudi), sama ada maklumat atau penjelasan tersebut disampaikan oleh Allah S.W.T. sendiri melalui kitabNya yang mulia, iaitu al-Qur'an al-Karim atau melalui kajian dan penulisan bersifat akademik yang ditulis oleh para sarjana Islam maupun Barat.

Masalah penyelewengan kitab Taurat ini bukanlah merupakan suatu isu baharu, bahkan ia merupakan masalah yang sudah lama berakar umbi dan memakan masa hampir ribuan tahun yang lalu.

Akan tetapi, yang amat menyediakan sekali ialah masih ramai manusia yang beriman dan menyakini bahawa isi kandungan kitab Taurat yang wujud pada masa kini sebagai "wahyu" dari Allah S.W.T., walaupun sebahagian mereka mengetahui penyelewangan dan perselisihan yang wujud di dalamnya hasil daripada kecurangan tangan-tangan para pendita mereka sendiri. Ini amat bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

"Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah," supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka

disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu".¹

Melalui keterangan ayat al-Qur'an di atas, maka jelaslah bahawa Allah S.W.T. telah memberikan penjelasan kepada kita tentang berlakunya pemalsuan kitab Taurat oleh para pendita Yahudi. Mereka bertanggungjawab memutarbelitkan segala hukum dan ajaran Allah mengikut hawa nafsu mereka sehingga syariat Nabi Musa a.s itu terpesong dari kebenaran.

Justeru, penurunan al-Qur'an sebagai "The Last Testament" (Perjanjian dan Mesej Terakhir dari Allah S.W.T.) berperanan memberikan sinar petunjuk kepada manusia seluruhnya, di samping mengiktiraf kebenaran isi kandungan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, juga menerangkan kepada kita tentang "nasib" kitab-kitab terdahulu, khususnya Taurat yang telah diselewengkan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab terhadap Allah S.W.T. dan agamaNya.

KITAB TAURAT: KONSEPNYA DALAM AGAMA YAHUDI

Kitab Bible Yahudi lebih dikenali oleh masyarakat Yahudi sebagai kitab *TaNaKh*, iaitu singkatan nama kepada 3 bahagian utama yang wujud di dalam Bible tersebut. Ia mengandungi 24 buah kitab. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

I) Bahagian pertama dalam Bible Yahudi dikenali sebagai *Torah* atau *Taurat* (yang merupakan sumber dasar agama Yahudi). Bahagian ini mengandungi 5 buah kitab. Ia juga dikenali sebagai *Pentateuch* yang bermaksud 5 buah kitab yang dinisbahkan sebagai wahyu Allah S.W.T. kepada Nabi Musa a.s. Di antara 5 buah kitab tersebut ialah:

- a) *Bereshith* (B. Hebrew) - *Ganesis* (B. Inggeris) - *Kitab Kejadian*.
- b) *We'elleh Shemoth* (B. Hebrew) - *Exodus* (B. Inggeris) - *Kitab Keluaran*.
- c) *Wayyiqra'* (B. Hebrew) - *Leviticus* (B. Inggeris) - *Kitab Imamat Levi*.
- d) *Bamidbar* (B. Hebrew) - *Number* (B. Inggeris) - *Kitab Bilangan*.
- e) *Devarim* (B. Hebrew) - *Deutronomy* (B. Inggeris) - *Kitab Ulangan*.

II) Bahagian kedua pula di kenali sebagai *Nevi'im* atau *kitab Nabi-Nabi*. Ia dibahagikan kepada 2 sub-bahagian utama, iaitu "*the Former Prophets*" atau *kitab Nabi-Nabi Lama* dan "*the Latter Prophets*" atau *kitab Nabi-nabi Terkemudian*. Bahagian *kitab Nabi-nabi Lama* atau "*the Former Prophets*" mengandungi 4 buah kitab sejarah bangsa Israel yang penting, iaitu *Yehoshua* (*Joshua*), *Shoftim* (Hakim-hakim), *Shmuel* (*Samuel*) dan *Melakhim* (*Raja-raja*).

¹ Al-Qur'an 2:79.

Manakala, bahagian *kitab Nabi-Nabi Terkemudian* atau “*the Latter Prophets*” pula mengandungi 3 buah kitab nabi-nabi besar seperti *Yeshayah (Isaiah)*, *Yirmiyahu (Jeremiah)*, *Yechezkel (Ezekiel)* dan 12 kitab nabi-nabi kecil yang terangkum menjadi satu kitab sahaja dikenali sebagai *Trei Asar*, iaitu *Hosea, Joel, Amos, Obadiah, Jonah, Micah, Nahum, Habakkuk, Zephaniah, Haggai, Zechariah* dan *Malachi*.

III) Bahagian terakhir dalam komponen Bible Yahudi dikenali sebagai *Ketuvim* atau tulisan yang dianggap suci dan ia juga dianggap sebagai “wahyu” oleh orang-orang Yahudi. Ia mengandungi puisi keagamaan seperti *Tehillim (Mazmur)*, dan *Eikha (Ratapan Jeremiah)*, puisi cinta iaitu *Shir Hashirim (Nyanyian Agung Sulaiman a.s.)*, sastera hikmah seperti *Mishlei (Amsal)*, *Iyyov (Ayub)* dan *Kohelet (Pengkhutbah)*, karya-karya sejarah seperti *Divrei Hayemim (Tawarikh)*, *Ezra* dan *Nehemiah, Daniel* dan cerita-cerita pendek seperti *Ruth* dan *Esther*.²

Di antara 3 bahagian yang telah disebutkan itu, bahagian pertama yang dikenali sebagai Torah atau Taurat itu merupakan bahagian yang amat penting dan menjadi asas prinsip ketuhanan dan syariat bagi agama *Judaisme* atau Yahudi. Ia juga dianggap oleh orang-orang Yahudi sebagai “syariat terakhir” yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi agung mereka iaitu Musa a.s. kepada mereka.³

Menurut *The New Encyclopaedia Britannica*, Jilid 11 (*Micropedia*), halaman 850, mentakrifkan Taurat sebagai:

“... in the broadest sense the substance of divine revelation to Israel, the Jewish people: God revealed teaching or guidance for mankind. The meaning of Torah is often restricted to signify the first five books of the Old Testament ... These are the books traditionally ascribed to Moses, the recipient of the original revelation from God on Mt. Sinai.”

Melalui petikan ini, dapat kita fahami secara ringkas bahawa Taurat itu merupakan wahyu Allah S.W.T. kepada bangsa Israel dan ia mengandungi ajaran dan petunjuk kepada umat manusia. Ia merujuk kepada 5 buah kitab yang dinisbahkan kepada Nabi Musa a.s., dan ia merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah Taala kepada baginda di puncak Gunung Sinai (*Tūr Sīnā*). *Funk and Wagnalls New Encyclopaedia* pula mendefinisikan Taurat sebagai:

² *The New Encyclopaedia Britannica (Macropedia)*. Jilid 14, Edisi 15. Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc., 1995., hlm. 905.

³ Safiah Abdul Razak. “Konsep Kerasulan Mengikut Agama Yahudi: Suatu Kajian Khusus dalam Bible Perjanjian Lama dan Pandangan Islam Terhadapnya.” Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Tesis), 1998. hlm. 195.

“The term “Torah” also is used to refer to the entire corpus of the Scriptures of the Jews together with the commentaries upon them”⁴

Selain itu, terdapat beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang *Rabbi* atau pendita Yahudi berkenaan kitab Taurat.

Rabbi Judah Halevi (lahir 1080 M), seorang pendita dan pemikir Yahudi di Sepanyol telah memberikan komentarnya mengenai Taurat, katanya,

“Our laws were written in the Torah by Moses, who had them direct from God, and handed them down to the masses assemble in the desert.”⁵

Terjemahan: “Undang-undang kita telah ditulis dalam Taurat oleh Nabi Musa a.s. beliau telah mendapatkan hukum tersebut secara langsung daripada Tuhan dan membawanya (kitab Taurat) kepada kita di padang gurun.”

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Rabbi Mosheh Maimonides atau nama Arabnya, iaitu Abū ‘Imrān Mūsā ibn Maimūn ibn ‘Ubayydhullah Al-Qurtubī Al-Andalūsī (1135-1204M), seorang ulama’ Yahudi yang terkemuka telah menulis mengenai 13 Rukun Iman Agama Yahudi (*13 Articles of Jewish Faith*). Salah satu daripada rukun berkenaan ialah kepercayaan terhadap kitab Taurat. Menurut beliau:

“The Eight Principle is that the Torah is from heaven; to wit, it must be believed that the whole of this Torah which is in our hands today is the Torah that was brought down to Moses, our Teacher; that all of it from God...”⁶

Melalui petikan di atas, dapatlah kita fahami bahawa salah satu daripada asas kepercayaan agama Yahudi ialah mempercayai isi kandungan kitab Taurat itu wahyu Allah S.W.T. kepada Nabi Musa a.s. Rabbi Hoter ibn Shelomo Al-Dhamari dalam huraiannya terhadap kitab Taurat turut menyatakan:

“...the Torah that was brought down by Moses on the day of the Revelation at Mt. Sinai and that is the greater, more powerful, more

⁴ *Funk & Wagnalls New Encyclopaedia*. Jilid 23. New York. Funk & Wagnalls Inc. hlm. 193.

⁵ Judah Halevi. *The Kuzari (Kitāb Al-Khaṣārī): An Argument for the Faith of Israel* Edisi 2. New York: Shockey Books, 1964. hlm. 71.

⁶ David R. Blumenthal (ed.). *The Commentary of R. Hoter Ben Shelomo to the Thirteen Principles of Maimonides*. Leiden: E.J. Brill Publishing House, 1974. hlm. 144.

Penyelewengan Kitab Taurat dan Penjelasannya Di Dalam al-Qur'an

exalted and more truthful than any witness who would testify for us that we are ‘the children of Israel, the people of God, His inheritance and His chosen ones’⁷

Terjemahan: “Sesungguhnya kitab Taurat itu dibawa turun oleh Nabi Musa pada masa wahyu diturunkan di Gunung Sinai, dan Taurat itu merupakan kitab yang agung, penuh kekuasaan, penuh kemuliaan dan dipenuhi dengan kebenaran yang mengesahkan kita sebagai Bani Israel, manusia yang (diredhai) Tuhan, pewarisNya dan manusia yang dipilihNya”

Agak jelas pada huraian-huraian di atas, Taurat “dianggap” oleh para pendita Yahudi sebagai wahyu Allah kepada Nabi Musa a.s. Ia merupakan sumber hukum bagi syariat agama Yahudi, bahkan ia dikatakan mempunyai “nilai-nilai kebenaran” oleh mereka. Mereka mendakwa kitab Taurat mereka itu benar dan tidak mengalami sebarang “perubahan atau penyelewengan”.

KITAB TAURAT DAN KEPENGARANGANNYA

Seperti mana yang telah kita ketahui, Taurat pada masa kini mengandungi 5 buah kitab, iaitu kitab Kejadian, kitab Keluaran, kitab Imamat Lewi, kitab Bilangan dan kitab Ulangan. Isi kandungan kelima-lima buah kitab tersebut mencatatkan sebuah rentetan sejarah Bani Israel yang panjang.

Bermula dengan kisah asal-usul kejadian alam semesta dan manusia, peristiwa banjir besar pada zaman Nabi Nuh a.s. serta sejarah hidup bapa-bapa (*Patriarch*) atau leluhur Bani Israel, iaitu Nabi Ibrahim a.s., Ishaq a.s., Yaakob a.s., dan 12 orang puteranya. Di samping itu, ia juga turut memaparkan kisah kelahiran tokoh agung mereka, iaitu Nabi Musa a.s. dan perjuangan Baginda menentang Fir'aun, kisah penghijrahan Bani Israel keluar dari Mesir (*Exodus*) dan juga mengenai kehidupan mereka di gurun Sinai sebelum mereka berangkat ke “Tanah yang dijanjikan” oleh Tuhan di Kan'an (Palestin).

Dari sudut kepenggarangan kitab Taurat ini, orang-orang Yahudi lama berpendapat bahawa isi kandungan Taurat ini merupakan wahyu Allah S.W.T. yang ditulis kesemuanya oleh Nabi Musa a.s. Ini berdasarkan dalil-dalil yang dipegang oleh mereka, misalnya Taurat menyatakan (terjemahan): “*Dan Musa kemudiannya menulis segala firman-firman Allah tersebut.*”⁸

⁷ *ibid.*, hlm. 147.

⁸ Exodus 24: 4.

Di dalam ayat yang lain turut dinyatakan (terjemahan):

“Setelah Musa selesai menulis kitab Taurat, iaitu (kitab yang berisi) segala firman-firman (Allah), daripada permulaannya sehingga ke akhirnya. Maka baginda telah memerintahkan seluruh imam-imam keturunan Lewi yang membawa (peti) Tabut Perjanjian Allah, (lalu Baginda bersabda), “Ambillah kitab Taurat ini dan letakkanlah ia bersebelahan dengan (peti) Tabut Perjanjian Allah Tuhanmu.”⁹

Akan tetapi, jika kita teliti pada bahagian akhir kitab Taurat, ada mengisahkan tentang kisah kewafatan Nabi Musa a.s. di Moab (Ulangan 34: 5-8). Jadi ini menimbulkan suatu tanda tanya yang agak membingungkan kita. Adakah Nabi Musa a.s. bertanggungjawab menulis kesemua kitab Taurat dan sekaligus mencatatkan kisah kewafatan baginda juga? Adalah mustahil Nabi Musa mencatatkan kisah kewafatan baginda. Ini sekaligus membuktikan kepada kita bahawa bukanlah Nabi Musa yang mencatat kitab tersebut, tetapi ada manusia tertentu yang bertanggungjawab mencatat serta menyelewengkan isi kandungan kitab Taurat.

Menurut Hart, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa terdapat ramai pengarang (para pendita Yahudi) yang menulis dan mereka-reka isi kandungan kitab Taurat. Menurut beliau lagi, wujud perbezaan atau perselisihan di dalam isi kandungan Taurat itu sendiri sama dari segi kosa kata, gaya bahasa, masalah teologi, amalan keagamaan dan hukum-hukumnya.¹⁰ Ini jelas membuktikan kepada kita bahawa wujud penyelewengan di dalam Taurat!

PANDANGAN AL-QUR’AN TERHADAP PENYELEWENGAN TAURAT

Al-Qur'an al-Karim sebagai Kalam Allah yang hakiki merupakan anugerah Allah S.W.T. yang terbesar kepada umat Islam kerana ia merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Rasulullah s.'a.w. untuk disampaikan ajarannya kepada seluruh umat manusia. Al-Qur'an juga berfungsi sebagai kitab yang memberi petunjuk kepada manusia menuju ke jalan Allah S.W.T. Ini bertepatan dengan firman Allah, maksudnya:

“Alif Lām Rā, (Ini adalah) kitab (al-Qur'ān) yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) supaya kamu mengeluarkan manusia

⁹ Deuteronomy 31: 24-26.

¹⁰ St. J. Hart. A. *Foreword to the Old Testament: An Essay of Elementary Introduction* London: Unwin Brothers Ltd., 1951, hlm. 148.

dari gelap gelita kepada cahaya terang benderang dengan izin Tuhan mereka, (iaitu) menuju jalan Tuhan Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.”¹¹

Dari perspektif Islam, al-Qur'an adalah satu-satunya sumber wahyu dan syariah yang wajib dipercayai dan ditaati. Dengan perkataan lain, al-Qur'an di sisi Islam adalah maksum, terpelihara dari segala kecacatan dan perubahan serta dijamin kekal terpelihara sampai hari kiamat.¹² Firman Allah, maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'ān dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya.”¹³

Walaupun al-Qur'an merupakan sebuah kitab yang sempurna serta jelas dari segi fungsi penurunannya, tetapi ia tetap mengesahkan tentang kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, misalnya firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dia menurunkan Al-Kitāb (al-Qur'ān) kepadamu dengan sebenarnya; membenarkan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan menurunkan Taurat dan Injil.”¹⁴

Allah juga menceritakan kepada kita mengenai ‘nasib’ kitab Taurat yang mengalami perubahan akibat daripada penyelewengan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi dan golongan *Scribes* (penyalin-penyalin kitab Taurat) daripada kalangan orang-orang Yahudi *Pharisee*.¹⁵ Firman Allah maksudnya:

“Dan ada di antara mereka ada yang buta huruf, tidak mengetahui Al-Kitāb (Taurat), kecuali dongeng belaka dan mereka hanya menduga-duga. Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis

¹¹ Al-Qur'an 14: 1

¹² Wan Zailan Kamaruddin. *Hakikat Kenabian dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1997., hlm. 61.

¹³ Al-Qur'an 15: 9.

¹⁴ Al-Qur'an 3: 3.

¹⁵ Salah satu daripada 3 aliran yang wujud dalam agama Yahudi lama. Aliran ini sudah tiada lagi dalam masyarakat Yahudi kini, tetapi pemikiran aliran ini masih menjadi tunjang utama dalam ajaran agama Yahudi. Kumpulan Pharisee merupakan golongan Yahudi yang ekstrim dan mereka mempunyai kebolehan menginterpretasi atau mentafsirkan kitab Taurat. Mereka jugalah yang mencipta perundungan baru dalam kitab Talmud. Menurut Josephus Flavius ha-Cohen (38-100 M), seorang sejarawan Yahudi, golongan scribes (penyalin kitab Taurat) dari golongan Pharisee sentiasa menjalankan tugas-tugas peribadatan, membaca dan mentafsirkan kitab-kitab Taurat di synagogue (rumah-rumah ibadat Yahudi).

Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: “Ini ialah dari sisi Allah”, supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.”¹⁶

Melalui ayat-ayat di atas, dapatlah kita fahami bahawa para pendita dan *scribes* berbangsa Yahudi mempelajari Taurat serta memahaminya kemudian bertanggung-jawab mengubah pengertian (makna ayat) Taurat itu. Bahkan ada di kalangan mereka yang sengaja menggantikan ayat-ayat Taurat demi menjaga kepentingan mereka sendiri.

Di dalam ayat ke-78 dari surah al-Baqarah ini, Allah S.W.T. menceritakan bahawa orang-orang awam yang menjadi pengikut kepada para pendita Yahudi hanya mengikut sahaja ajaran dan amalan yang telah digariskan oleh pendita-pendita mereka tanpa mengetahui dengan jelas tentang kecurangan yang telah dilakukan oleh guru-guru mereka. Lantaran itu, kedua-dua golongan itu berada di dalam kesesatan yang nyata.

Di samping itu, dalam ayat ke-79 pula, Allah menjelaskan pula tentang manusia-manusia yang terlibat dalam ‘sindiket’ pemalsuan kitab Taurat. Mereka telah menyesatkan manusia dan mengubah isi kandungan kitab Taurat. Golongan pendita Yahudi ini menulis kitab Taurat dengan menuruti kemauan hawa nafsu mereka sendiri, kemudian mengatakan kepada orang awam bahawa inilah Taurat yang sebenarnya. Mereka dengan jelas mengadakan dusta terhadap Allah S.W.T.

Tujuan utama para pendita dan golongan *scribes* (penyalin kitab Taurat) menyembunyikan atau memutarbelitkan ayat-ayat Taurat adalah semata-mata ingin mendapatkan keuntungan duniawi seperti pangkat, kedudukan dan harta benda. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan ingatlah ketika Allah mengambil janji dari orang-orang yang telah diberikan kitab (Taurat), iaitu: ‘Hendaklah kamu menerangkan isi kitab (Taurat) itu kepada manusia dan jangan kamu menyembunyikannya,’ lalu mereka melemparkan janji itu ke belakang punggung mereka dan mereka menukarkannya dengan harga (kenikmatan) yang sedikit. Amatlah buruk tukaran yang mereka terima.”¹⁷

¹⁶ Al-Qur'an 2: 78-79.

¹⁷ Al-Qur'an 3: 187.

Dalam ayat yang lain Allah berfirman maksudnya:

*"Sesungguhnya di antara mereka (orang-orang Yahudi) ada segolongan yang memutar-mutarkan lidah ketika membaca Al-Kitab (Taurat), supaya kamu menyangka yang dibacanya itu sebahagian daripada Al-Kitāb, padahal ia bukan daripada Al-Kitāb (Taurat) dan mereka mengatakan, "Ia (yang dibacanya itu) datang dari sisi Allah," padahal ia bukan dari sisi Allah. Mereka berkata dusta terhadap Allah, sedang mereka mengetahui."*¹⁸

Allah menerangkan bahawa keuntungan yang mereka perolehi itu amatlah murah jika dibandingkan dengan kebenaran yang dijual itu sangat tinggi nilainya. Oleh kerana wujud penderhakaan yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi itu, mereka akan ditimpakan oleh Allah dengan azab yang pedih. FirmanNya yang bermaksud:

*"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan oleh Allah, iaitu Al-Kitāb (Taurat) dan menjualnya dengan harga yang sedikit (murah), mereka itu sebenarnya tidak memakan (tidak menelan) ke dalam perutnya melainkan api (neraka) dan Allah tidak akan berbicara dengan mereka pada hari Kiamat dan tidak akan mensucikan mereka dan bagi mereka azab yang amat pedih."*¹⁹

Muhammad Abduh pernah berkata: "Barangsiapa yang ingin mengetahui perilaku orang-orang Yahudi pada masa lalu, hendaklah ia melihat dan memperhatikan perilaku mereka pada masa sekarang. Maka akan terlihat perilaku mereka dalam lembaran yang jelas dan terang (al-Qur'an). Selain itu, akan terlihat pula kitab yang disusun mengenai akidah dan hukum-hakam agama yang telah diselewengkan dari maksud sebenarnya, diubah sehingga menimbulkan kekacauan pada manusia dan kerosakan dalam agama mereka."²⁰

Menurut catatan sejarah, pada tahun 586 SM, Raja Nebuchadnezzar, pemerintah kerajaan Babylon (Bābil) telah menyerang kerajaan Judah ('the Southern Kingdom' atau kerajaan Yahudi Selatan) yang pada masa itu diperintah oleh raja Zedekiah.²¹ Kerajaan Yahudi pada ketika itu berpusat di Baitulmaqdis (Jerusalem). Raja

¹⁸ Al-Qur'an 3: 78.

¹⁹ Al-Qur'an 2:174.

²⁰ *Al-Qur'an dan Tafsirannya*, Jogjakarta. Universitas Islam Indonesia, 1991. hlm. 154.

²¹ Sila lihat kisahnya di dalam *Bible - Kitab Raja-raja (Kings)* ke-2, fasal 25, dan *Kitāb Tawārikh* (*Chronicles*) ke-2, fasal 36. Dan sila lihat John Bright. *A History of Israel*. London: S.C.M. Press Ltd., 1967., hlm 308-309.

Nebucadnezzar telah berjaya menguasai bandar suci itu dan menawan ramai orang Yahudi.

‘Abdul Ḥamīd Jaudah al-Sahhār mengatakan bahawa orang-orang Yahudi dan Israel berasa terhina apabila mereka melihat *Haikal Sulaiman a.s.* (Rumah Ibadah yang didirikan oleh Nabi Sulaiman a.s.) dan himpunan kitab-kitab Taurat dibakar di hadapan mata mereka sendiri oleh tentera-tentera Babylon.²²

Selepas kejadian itu, hampir semua orang-orang Yahudi dijadikan orang tawanan dan dibawa ke Babylon. Semasa di Babylon, para pendita Yahudi telah mengambil kesempatan menulis semula kitab Taurat. Oleh kerana tiada seorang pun di kalangan mereka yang menghafal Taurat, mereka telah menulisnya dengan menukar kebenaran dengan kebatilan dan mencetuskan pelbagai perselisihan di dalamnya. Di samping itu mereka telah memasukkan cerita-cerita dongeng dari Babylon serta sejarah peradaban Yahudi yang telah ditokok tambah di dalam kitab Allah tersebut.²³ Orang Yahudi terus hidup dalam buangan di sana sehingga orang Parsi menakluki Babylon dalam tahun 538 SM. Selepas penaklukan ini, raja Parsi yang bernama *Cyrus the Great* telah memberi kebenaran kepada orang Yahudi itu pulang ke tempat asal mereka di Palestin.²⁴

Apabila orang-orang Yahudi tiba di Palestin, pentafsiran semula kitab Taurat telah dilakukan pula oleh Ezra (pemimpin besar di kalangan para pendita Yahudi yang dikatakan alim dalam selok belok pengajian Taurat) dan turut dibantu oleh para pendita Yahudi berketurunan Levi (*Levites*) telah mengajar orang-orang awam mengenai Taurat. Mereka yang mengkaji dan mentafsirkan (sesuka hati isi kandungan) kitab Taurat tersebut. Ajaran mereka di kenali sebagai “*Words of the Scribes*” (Ajaran Para Penyalin-penyalin Kitab Taurat); mereka telah membacanya (kitab Taurat tersebut) bersama dengan pentafsiran yang dibuat oleh mereka ketika Taurat dibacakan di khalayak ramai.²⁵

Menurut Isaac Asimov, seorang sarjana Yahudi dari Amerika Syarikat turut mengakui bahawa sebahagian besar isi kandungan Taurat itu diseliputi dengan pengaruh dan mitos yang diambil dari negara Babylon semasa proses “*Babylonian*

²² ‘Abdul Ḥamīd Jaudah Al-Sahhār. *Bani Ismail*. (Siri Karya Ibrah Kisah Para Nabi.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. hlm. 239.

²³ *ibid.*, hlm. 257.

²⁴ Ismail Abdul Rahman. *Konsep dan Kedudukan Bangsa Pilihan: Menurut Agama Islam dan Agama Yahudi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989., hlm. 8.

²⁵ Ze’ev W. Falk. *Introduction to Jewish Law of Second Commonwealth* Leiden: E.J. Brill, 1972. hlm. 7.

Captivity" sedang berjalan.²⁶ Beliau memberikan satu contoh, apabila orang-orang Yahudi menggambarkan tentang keindahan *Taman Eden* (syurga) yang menempatkan Adam dan isterinya, mereka terus mengatakan di dalam kitab (Taurat) mereka bahawa *Taman Eden* itu merupakan kawasan yang terletak di antara Sungai Tigris (Dajlah) dan Sungai Euphrates (Furāt), iaitu pusat pemerintahan kerajaan Babylon yang subur pada suatu ketika dahulu.²⁷

Justeru, agama Yahudi yang pada asalnya adalah agama *samawi* dan kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. adalah benar isi kandungannya, tetapi selepas kewafatan Baginda, ia telah menerima perubahan dan diselewengkan sehingga tidak lagi mengemukakan ajaran sebenar nabi tersebut.

Di dalam analisis kajian ini, hanya 3 perkara penting yang akan dibincangkan oleh penulis mengenai penyelewengan yang berlaku di dalam kitab Taurat. Di antara perkara tersebut ialah:

- Penyelewengan dari aspek Ketuhanan.
- Penyelewengan mengenai kisah dan keperibadian para Nabi dan Rasul.
- Penyelewengan mengenai konsep "Bangsa Pilihan Tuhan."

1. Penyelewengan Dari Aspek Ketuhanan

Aspek ketuhanan ini merupakan perkara dasar dalam sesebuah agama. Jika aspek ini mengalami penyelewengan sama ada besar atau kecil sekalipun, maka sudah pasti agama tersebut mengalami kepincangan dan terjerumus dalam kesesatan yang nyata.

Agama Yahudi tertegak atas 2 prinsip asas yang penting: Ketuhanan Maha Esa dan KeunggulanNya serta pemilihan bangsa Yahudi atau Israel sebagai "Bangsa Pilihan Tuhan."²⁸ Orang-orang Yahudi berpegang teguh kepada konsep "*the unity of God*" dan ini secara langsung memperlihatkan bahawa agama Yahudi adalah agama tauhid yang menolak segala bentuk penyekutuan dan persyarikatan dengan Tuhan *Yahweh*.²⁹ Agama Yahudi boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk kepercayaan *monotheistic* yang sangat rigid. Pendek kata, mereka menyakini Tuhan *Yahweh* sebagai

²⁶ Isaac Asimov. *Word of Genesis*. Boston: Houghton Mifflin Company, 1962., hlm. 29-30.

²⁷ *ibid.*, hlm 50-52.

²⁸ Ismail Abdul Rahman. *op. cit.* hlm. 15.

²⁹ Dikatakan nama sebenar bagi Tuhan bangsa Israel dan pada kebiasaananya nama "*Yahweh*" ini hanya ditulis dengan 4 huruf konsonan sahaja, iaitu YHWH. Ini kerana orang-orang Yahudi menganggap bahawa nama "*Yahweh*" itu terlalu suci sehingga dilarang sama sekali menulis nama penuh Tuhan mereka itu. Selain itu, mereka juga menggantikan nama "*Yahweh*" itu

pencipta alam semesta, dipenuhi dengan sifat keunggulanNya, tiada sekutu bagiNya serta bertanggungjawab memilih bangsa Israel sebagai “teman kesayanganNya.” Ini berdasarkan ayat-ayat yang dikemukakan oleh Taurat (terjemahan):

“Dengarlah (olehmu), wahai (bangsa) Israel! Sesungguhnya Allah Tuhan kita, Tuhan yang Maha Esa.”³⁰

“Kepadamu (bangsa Israel) ditunjukkan perkara-perkara ini supaya kamu mengetahui bahawa Allahlah Tuhanmu, di sampingNya tiada (tuhan-tuhan) yang lain.”³¹

Melalui ayat-ayat di atas, dapatlah kita ketahui bahawa agama Yahudi masih mengekalkan “nilai-nilai tauhid”. Akan tetapi, terdapat juga ayat-ayat di dalam Taurat (masa kini) yang menggambarkan bahawa Allah itu mempunyai sifat-sifat yang bertentangan dengan norma-norma ketuhanan yang sempurna. Di samping itu, terdapat juga ayat yang bertentangan di antara satu sama lain mengenai konsep ketuhanan tersebut.

Di dalam kitab Taurat, kita mendapati bahawa Allah S.W.T. digambarkan oleh orang-orang Yahudi sebagai tuhan yang mempunyai sifat lemah. Walaupun mereka mengakui sifat-sifat keunggulan yang dimiliki oleh Tuhan, namun mereka tetap berpandangan bahawa Ia juga mempunyai sifat-sifat kekurangan sama seperti makhluk ciptaanNya, misalnya Taurat menyatakan (terjemahannya):

“Setelah (Nabi) Yaakob menyeberangkan mereka (iaitu isteri-isteri dan anak-anaknya), dia kembali dan mengirimkan juga segala (barang) miliknya ke seberang (sungai Yabok). Tetapi dia tinggal di situ seorang diri. Kemudian datanglah seorang lelaki bertarung dengan Yaakob sampai menjelang pagi. Apabila orang itu berasa

kepada nama “Adonai” yang bermaksud Tuhan. Ini berdasarkan kenyataan di dalam Taurat: “*Jangan sebut namaKu untuk maksud jahat kerana Aku Allah Tuhanmu menghukumsesiapa sahaja yang menyalahgunakan nama-Ku*” (Keluaran 20:7). Nama “Yahweh” ini disebut mengikut lajhah dalam bahasa Hebrew yang juga merujuk kepada Dzat Allah S.W.T. (Sila lihat *New Catholic Encyclopaedia*. Washington: Jack Heraty & Associates Inc.,1981. hlm. 1065.

³⁰ Deutronomy 6:4. Orang-orang Yahudi menamakan ayat ini sebagai ‘*Shema*’.” Istilah “*Shema*” ini berasal dari perkataan Hebrew yang bermaksud “*Dengarlah*.” Perkataan ini diambil daripada perkataan pertama ayat Ulangan 6: 4 yang berbunyi (dalam bahasa Hebrew): *Shema ‘Yisrael! Adonai Elehenu Adonai Eshod’* yang bermaksud: “*Dengarlah (olehmu) wahai (bangsa) Israel! Sesungguhnya Allah Tuhan kita, Tuhan yang Maha Esa*.” Ia dianggap oleh orang-orang Yahudi sebagai “kalimah syahadah” mereka(*confession of Jewish Faith*). Menurut orang-orang Yahudi, ayat *Shema*’ ini memerintahkan mereka mengakui keesaan Tuhan dan melaksanakan hukum-hakam yang terkandung di dalam kitab Taurat.

³¹ Deutronomy 4: 35.

Penyelewengan Kitab Taurat dan Penjelasannya Di Dalam al-Qur'an

tidak akan menang dalam pertarungan itu, dia memukul pinggul Yaakob sehingga sendinya terkehel. Orang itu berkata, "Lepaskan aku kerana tidak lama lagi matahari akan terbit."

Yaakob menjawab, "Saya tidak akan melepaskan tuan, kecuali tuan memberkati saya." "Siapa namamu?" tanya orang itu. "Yaakob," jawabnya.

Orang itu berkata, "(Mulai saat ini) namamu bukan Yaakob lagi. Engkau telah bertarung dengan Allah, dan engkau sudah menang, kerana itu sekarang namamu Israel."

... Yaakob berkata, "Aku telah bertemu muka dengan Allah dan aku masih hidup."³²

Ayat di atas memperlihatkan kepada kita bahawa Allah S.W.T. mampu “dikalahkan” oleh Nabi Yaakob a.s. dalam suatu “pergelutan”. (Kita berlindung kepada Allah Taala daripada kata-kata sedemikian - penulis). Peristiwa ini merupakan suatu perkara yang mustahil bagi Allah S.W.T. kerana Dia Maha Suci dari sifat-sifat kekurangan. Bagaimana mungkin Allah Taala yang berkuasa menciptakan alam semesta ini mampu dikalahkan oleh makhluk ciptaanNya yang serba lemah itu. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa isi kandungan kitab Taurat itu telah diselewengkan oleh para pendita Yahudi.

Jikalau ayat di atas menceritakan tentang “sifat kekurangan” yang wujud pada Allah, ayat dibawah ini pula menceritakan pula tentang keagungan yang dimiliki olehNya, contohnya:

“Allah Tuhanmu itu berkuasa atas semua tuhan-tuhan yang lain dan ke atas semua kekuasaan. Dia Maha Agung dan Maha Berkuasa, dan Dia wajib ditaati.... Pujilah Dia kerana Dia Allah kamu dan dengan matamu sendiri, kamu sudah menyaksikan perkara-perkara besar dan mengagumkan yang dilakukanNya untuk kamu.”³³

Jika kita mengamati betul-betul kedua-dua contoh ayat di atas, kita menyedari bahawa kedua-dua ayat tersebut mempunyai perselisihan yang jelas. Bagaimana mungkin wujud perselisihan ayat di dalam sebuah kitab suci oleh orang-orang Yahudi itu? Ini menunjukkan kepada kita bahawa kitab Taurat yang ada pada masa kini telah tercemar dengan karangan-karangan manusia.

Selain itu, wujud juga perselisihan mengenai “apakah manusia itu mampu melihat Allah Taala dengan mata kasar atau tidak mampu melihatNya sama sekali?”

³² Genesis 32: 23-30.

³³ Deutronomy 10: 17-21.

Permasalahan ini berlaku kerana wujud ayat-ayat yang bertentangan antara satu sama lain di dalam kitab Taurat tersebut, misalnya ayat pertama menyatakan bahawa Zat Allah Taala mampu dilihat oleh manusia. Taurat menyatakan (terjemahannya):

“Ketika Ibram (Ibrahim a.s.) telah berumur sembilan puluh sembilan tahun, Tuhan telah menjelaskan diriNya kepada beliau dan berfirman, “Akulah Tuhan yang Maha Besar, taatilah Aku dan lakukanlah kehendakKu. Aku akan membuat perjanjianKu dengan dirimu dan (Aku) akan memperbanyak keturunanMu.”³⁴

Ayat pertama ini menyatakan kepada kita bahawa Allah Taala boleh dilihat oleh Nabi Ibrahim a.s. dengan jelas nyata kerana dikatakan Allah Taala telah “menjelaskan” diriNya kepada baginda.

Akan tetapi, jika kita membaca dalam surah yang lain di dalam kitab Taurat, dinyatakan pula bahawa Allah Taala tidak boleh dilihat oleh sesiapa pun, bahkan kepada kekasihNya Nabi Musa a.s. pun tidak dapat melihat ZatNya yang Maha Mulia itu. Taurat menyatakan (terjemahannya):

“Kemudian Musa memohon (kepada Allah), “Benarkanlah Aku melihat cahaya hadiratMu (wajahMu).” Dan Tuhan berfirman kepada Musa, “Aku akan lalu dengan segala keagunganKu di hadapanmu, sambil mengucapkan nama-Ku yang suci, iaitu Tuhan. Aku akan menunjukkan rahmat dan belas kasihan kepada orang yang Aku pilih. Engkau tidak boleh melihat wajah-Ku, kerana tiada manusia yang tetap hidup setelah melihat wajahKu.”³⁵

Melalui ayat-ayat di atas, jelaslah kepada kita bahawa wujud pertentangan yang nyata di antara kedua-dua ayat dalam kitab Taurat ini. Ayat pertama menyatakan bahawa Allah Taala telah ‘menjelaskan’ diriNya kepada Ibrahim a.s. tetapi ayat kedua ini pula menyatakan perkara sebaliknya, iaitu semua makhluk tidak dapat melihat Zat Allah S.W.T., bahkan tidak ada seorang pun yang pernah melihat Tuhan. Jadi ayat manakah yang benar? Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa pertentangan ayat yang wujud di dalam Taurat hasil daripada penyelewengan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi.

Di dalam Taurat, Allah Taala juga dilukiskan dengan sifat-sifat tercela, misalnya Allah S.W.T. bersifat pendendam dan zalim terhadap makhluk ciptaanNya. (Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sifatkan). Pada pandangan orang-orang Yahudi, Tuhan juga tidak terkecuali dihiasi dengan sifat-sifat tercela.

³⁴ Genesis 17: 1-2.

³⁵ Exodus 33: 17-20.

Penyelewengan Kitab Taurat dan Penjelasannya Di Dalam al-Qur'an

Taurat mencataatkan (terjemahannya):

*"Tuhan melihat betapa jahatnya manusia di bumi; fikiran mereka sentiasa dipenuhi dengan kejahatan. Oleh itu, Tuhan menyesal kerana sudah menjadikan manusia dan menempatkan mereka di bumi. Tuhan begitu kecewa sehingga Dia berfirman, "Aku akan membinasakan manusia yang sudahKu ciptakan itu, dan juga semua binatang serta burung, kerana Aku menyesal menciptakan semuanya."*³⁶

Jika kita tinjau ayat di atas, kita melihat orang-orang Yahudi sanggup menggambarkan Allah S.W.T. mempunyai "sifat-sifat tercela" seperti pendamam, zalim terhadap makhluk dan mudah menyesal atas apa yang dilakukanNya. Adapun sifat-sifat seperti ini tidak layak sama sekali ditujukan kepada Allah Taala yang sememangnya Maha Adil, Maha Pengasih, Maha Sempurna sifatNya dan sangat berbeda dari makhlukNya yang mempunyai sifat kekurangan. Ini menunjukkan bahawa para pendita Yahudi sanggup berdusta terhadap Allah sehingga mereka sanggup memutarbelitkan sifat-sifat Allah di dalam KalamNya sendiri. Allah menceritakan tentang kejahatan orang-orang Yahudi melalui firmanNya:

*"Adapun orang-orang yang kafir (Yahudi) dan mendustakan ayat-ayat Kami (Taurat), mereka itu merupakan penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya."*³⁷

al-Qur'an membidas sama sekali pandangan orang-orang Yahudi mengenai idea-idea ketuhanan yang diungkapkan oleh mereka di dalam kitab Taurat. Menurut pandangan Islam, Allah S.W.T. merupakan *Al-Khāliq* yang Maha Agung dan Maha Sempurna serta bersih daripada sifat-sifat lemah dan keji.

Allah S.W.T., Pemilik sekalian alam dan mempunyai nama-nama yang mulia (*al-Asmā' al-Husnā*) serta memiliki sifat-sifat Maha Tinggi sesuai dengan kesempurnaan *Rububiyyah*Nya dan kebesaran *Uluhiyyah*Nya. Agama Islam yang tergolong dalam kategori agama *samawi* turut memberikan penekanan dalam persoalan konsep keesaan dan ketauhidan Allah.³⁸ Ini bertepatan dengan firman Allah maksudnya:

*"Dan Tuhanmu adalah Tuhan yang Maha Esa, tiada tuhan melainkan Dia, yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang."*³⁹

³⁶ Genesis 6: 5-7.

³⁷ Al-Qur'an 2: 39.

³⁸ Al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq*, Dār al-Jayl, Beirut, 1987, hlm. 315-322.

³⁹ Al-Qur'an 2: 163.

Firman Allah, maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad), “Dialah Allah, Tuhan yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sekalian hajat. Ia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tiada sesiapa pun yang setara denganNya”⁴⁰

Dengan meneliti ayat-ayat di atas, dapatlah kita memahami dengan jelas dan nyata bahawa tidak ada sesuatu pun yang menyamai Allah S.W.T. sama ada dari segi kekuatan, kesempurnaan dan kemuliaanNya. Firman Allah maksudnya:

“...dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi; dan Dialah juga yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.”⁴¹

FirmanNya lagi yang bermaksud:

“Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbir (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk dan tidak tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat di sisiNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah yang menjadi keberatan kepada Allah menjaga dan memelihara keduanya. Dan Dialah yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya) lagi Maha Besar (kekuasaanNya).”⁴²

Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an al-Karim, maka jelaslah bahawa Allah telah menyatakan tentang sifat keagungan dan kesempurnaan yang dimiliki olehNya. Sekaligus kenyataan Allah S.W.T. ini menyanggah pendustaan-pendustaan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi mengenai diriNya di dalam kitab Taurat yang sudah diselewengkan itu.

2. Penyelewengan Tentang Kisah dan Peribadi Para Nabi dan Rasul

Taurat merupakan sebuah kitab yang banyak sekali meriwayatkan tentang sejarah dan

⁴⁰ Al-Qur'an 112: 1-4.

⁴¹ Al-Qur'an 16: 60.

⁴² Al-Qur'an 2: 255.

peribadi para Nabi dan Rasul terdahulu, iaitu sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.'a.w. Ia mencatatkan tentang beberapa tokoh-tokoh penting seperti Nabi Ibrahim a.s., Ishaq a.s., Yaakob a.s., Yusuf a.s., Musa a.s., Harun a.s dan sebagainya. Akan tetapi, tokoh-tokoh yang dianggap sebagai Nabi dan nenek moyang Bani Israel itu sendiri tidak terlepas daripada pendustaan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi. Pada pandangan para pendita khakham Yahudi, Nabi dan Rasul Bani Israel tidak bersifat *maksum* walaupun mereka dapat berhubungan dengan Allah Taala. Kedudukan mereka tidak lebih daripada seorang manusia yang turut melakukan perkara-perkara keji dan mengundang dosa. Umpamanya, Taurat telah menceritakan tentang kisah zaman Nabi Lut a.s melakukan zina dengan kedua-dua orang anak perempuannya ketika Baginda sedang mabuk. Taurat mengisahkan (terjemahannya):

*"Pada suatu hari, anak perempuan (Nabi Lut) yang sulung berkata kepada adiknya yang bongsu, "Bapa kita sudah tua dan di sini tiada seorang pun lelaki yang boleh bersehubungan dengan kita (berdua)... Marilah kita memberikan bapa kita minum arak dan kemudian (setelah beliau mabuk), kita akan bersehubungan dengannya supaya kita dapat meneruskan keturunan keluarga kita melalui bapa kita. Pada malam itu, mereka berdua telah menyediakan arak kepada bapa mereka dan sesudah itu anak perempuannya yang sulung masuk ke dalam bilik bapa mereka dan berzina dengan bapanya."*⁴³

Begitulah kisahnya sehingga akhirnya kedua-dua orang anak perempuan Nabi Lut itu hamil hasil "perbuatan bapa mereka sendiri." Sesungguhnya cerita ini memang ganjil dan tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Melalui cerita ini, para pendita Yahudi telah melukiskan watak Nabi Lut a.s. sebagai manusia yang keji dan mempunyai nilai moral yang rendah. Ini merupakan suatu pembohongan nyata yang dilakukan oleh para pendita Yahudi terhadap Nabi Lut a.s.

Selain itu, orang-orang Yahudi juga turut melakukan pendustaan terhadap Nabi Nuh a.s. Di dalam Taurat dijelaskan bahawa Nabi Nuh merupakan seorang pemabuk dan tidur dalam keadaan yang memalukan di dalam khemahnya. Taurat mencatatkan (terjemahannya):

*"Nuh merupakan seorang petani dan dia adalah orang yang pertama membuat sebuah ladang angur. Dan setelah beliau meminum arak (hasil buatannya), beliau menjadi mabuk. Beliau kemudiannya menanggalkan semua pakaianya lalu tidur dalam keadaan berbogel di dalam khemahnya."*⁴⁴

⁴³ Genesis 19: 31-33.

⁴⁴ Genesis 9: 20-21.

Di samping itu, Nabi Ibrahim Khalilullah a.s. yang dianggap oleh orang-orang Yahudi sebagai “nenek moyang mereka yang agung” turut menjadi sasaran pendustaan yang dibuat oleh para pendita mereka sendiri. Kitab Taurat menyifatkan Nabi Ibrahim sebagai seorang pendusta dan penakut. Taurat menjelaskan (terjemahannya):

“Pada masa Abram (Ibrahim a.s.) hendak melintasi sempadan negeri Mesir, dia berkata kepada isterinya Sarah, “(Aku tahu bahawa) engkau adalah perempuan yang cantik. Apabila orang Mesir melihat engkau, mereka akan berkata, ‘Dia ini adalah isterinya,’ lalu mereka akan membunuhku dan membiarkan engkau hidup. Lebih baik engkau katakan sahaja bahawa engkau adalah adikku supaya aku dibiarkan hidup dan dilayani dengan baik kerana engkau.”⁴⁵

Melalui peristiwa ini, para pendita Yahudi dengan sengaja mencatatkan bahawa Nabi Ibrahim a.s. sebagai pendusta dan penakut dalam menghadapi sesuatu permasalahan besar. Baginda dikatakan meminta isterinya, Sarah berbohong dengan pegawai-pegawai Mesir, semata-mata untuk menyelamatkan nyawanya dari dibunuh oleh mereka. Oleh itu, amat besar pendustaan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi mengenai kisah Nabi Ibrahim itu.

Nabi Harun a.s. juga tidak terlepas daripada sasaran pendustaan orang-orang Yahudi. Baginda telah dianggap sebagai seorang yang ‘sesat’ dan tokoh yang bertanggungjawab mencipta ‘berhala anak lembu’ untuk disembah oleh Bani Israel semasa ketiadaan Nabi Musa a.s. Taurat menyatakan (terjemahannya):

“Harun berkata kepada mereka, “Tanggalkan anting-anting emas yang dipakai oleh isterimu, anak lelaki, dan anak perempuan kamu, lalu bawalah kesemuanya kepadaku.” Oleh itu mereka semua menanggalkan anting-anting emas dan memberikan semuanya kepada Harun. Harun mengambil anting-anting itu, meleburkan semuanya lalu mencurahkan emas itu ke dalam acuan, lalu membuat sebuah patung lembu jantan. Umat itu berkata, “Wahai Bani Israel, inilah tuhan kita yang telah membawa kita keluar dari Mesir!” Kemudian Harun membina mazbah (tempat pemujaan) di hadapan lembu emas itu dan mengumumkan, “Esok kita akan mengadakan pesta untuk menghormati tuhan (berhala lembu jantan).”⁴⁶

Alangkah buruknya perilaku para pendita Yahudi yang bertanggungjawab mendustakan kisah para nabi dan rasul mereka. Mereka sememangnya kaum yang zalim serta sanggup ditimpa laknat dari Allah Taala kerana memutarbelitkan ayat-ayat Allah demi menjaga kepentingan mereka. Menurut orang-orang Yahudi juga kerasulan

⁴⁵ Genesis 12:11-13.

⁴⁶ Exodus 32: 2-5.

adalah hak mutlak dan keistimewaan bangsa Yahudi.

Al-Qur'an sememangnya menyanggah segala fitnah yang dilemparkan oleh orang-orang Yahudi terhadap para nabi dan rasul. Allah Taala menceritakan kepada kita tentang perwatakan orang Yahudi terhadap nabi dan rasul mereka melalui firmanNya yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kami telah mengambil perjanjian daripada bani Israel, dan telah Kami utuskan kepada mereka para rasul, tetapi setiap kali datang seorang rasul kepada mereka yang membawa apa yang tidak diingini oleh hawa nafsu mereka, (maka) sebahagian rasul-rasul itu mereka dustakan dan sebahagian yang lain mereka bunuh."*⁴⁷

Dan firman Allah, maksudnya:

*"Mereka (orang-orang Yahudi) diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali perjanjian dengan manusia, dan mereka kembali mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka diliputi kerendahan. Yang demikian itu, kerana mereka kafir dengan ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa alasan yang benar. Yang demikian itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas."*⁴⁸

Islam memberi kedudukan yang tinggi dan terpuji terhadap para nabi dan rasul kerana mereka merupakan orang perantaraan di antara Allah S.W.T. dengan sekalian hambaNya. Bagi mencapai matlamat tersebut, mereka sewajarnya memiliki sifat-sifat yang dapat menjelaskan kedudukan mereka sebagai model ikutan terbaik daripada Allah. Ringkasnya, ciri-ciri yang diperlukan di antaranya kecerdasan akal, amanah dalam penyampaian, kemuliaan fitrah dan akhlak, terpelihara daripada sebarang kecacatan dan kekurangan mental dan fizikal dan aspek-aspek lain yang bersesuaian sebagai makhluk Allah yang terbaik.⁴⁹

Persoalan ini telah dijelaskan oleh Dr. Ali Shari'ati dengan mengatakan bahawa perutusan para nabi dan rasul adalah untuk menjelaskan tentang kesyumulan akidah tauhid dan pemberi petunjuk bagi membimbing umat manusia ke jalan yang benar dan diredai⁵⁰ seperti firmanNya yang bermaksud:

⁴⁷ Al-Qur'an 5: 70.

⁴⁸ Al-Qur'an 3:112.

⁴⁹ Wan Zailan Kamaruddin. *op. cit.*, hlm. 66-67.

⁵⁰ Dr. Ali Shari'ati, "Shahadat" dalam *Jihad and Shahadat*, The Institute for Research and Islamic Studies (IRIS) U.S.A, 1986, hlm. 157.

“... dan bagi tiap-tiap kaum ada orang (para Nabi dan Rasul) yang memberi petunjuk (kepada mereka).”⁵¹

Namun, tujuan tersebut tidak mungkin dapat dicapai seandainya para nabi dan rasul bukan orang yang *maksum*. Oleh itu, untuk melaksanakan perintah Allah, mereka mestilah *maksum* daripada sebarang perbuatan dosa dan kesalahan. Al-Qur'an sendiri menggambarkan para nabi dan rasul sebagai orang-orang pilihan yang terbaik untuk diteladani. Allah Taala tidak akan membiarkan mereka mengendalikan segala perintah-Nya secara bersendirian, malahan mereka sentiasa diawasi dan diasuh melalui petunjukNya. Ini jelas terbukti dalam firman Allah maksudnya:

“Aku telah melimpahkan kepadamu kasih sayang yang datang daripadaKu dan supaya kamu diasuh dibawah pengawasanKu.”⁵²

Allah juga menegaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

“Dan Kami telah mengangkatnya ke martabat yang tinggi. Mereka itulah orang-orang yang telah diberikan nikmat oleh Allah, iaitu para nabi dari keturunan Adam a.s., dan daripada orang-orang yang telah Kami angkat bersama Nuh a.s., dan daripada keturunan Ibrahim a.s. dan Israel (Yaakob a.s.), dan daripada orang-orang yang telah Kami beri petunjuk dan telah Kami pilih.”⁵³

Oleh demikian, jelaslah bahawa para nabi dan rasul terpelihara daripada dosa dan maksiat. Mereka merupakan utusan Allah yang bertanggungjawab menyeru umat manusia agar mengabdikan diri kepada Allah Taala dan mematuhi segala syariatNya. Adalah mustahil mereka melakukan dosa sedangkan mereka menjadi contoh teladan kepada manusia seluruhnya. Maka jelaslah para pendita Yahudi berniat jahat sehingga mengubah sifat-sifat kemuliaan para nabi kepada sifat yang tercela di dalam kitab Taurat mereka. Menurut Safiah Abdul Razak, agama dan orang-orang Yahudi telah mengukirkan sejarah yang memalukan terhadap nabi-nabi besar mereka. Kehidupan mereka telah dihubungkaitkan dengan sifat-sifat keji dan perbuatan-perbuatan yang tidak berakh�ak.⁵⁴

3. Penyelewengan Konsep Bangsa Pilihan Tuhan

‘Konsep Bangsa Pilihan’ merupakan salah satu daripada prinsip asas yang terkandung dalam ajaran agama Yahudi. Oleh itu, orang-orang Yahudi menganggap diri mereka

⁵¹ Al-Qur'an 13:7.

⁵² Al-Qur'an 20: 39.

⁵³ Al-Qur'an 19: 57-58.

⁵⁴ Safiah Abdul Razak. *op cit.* hlm. 256.

sebagai '*the People of God*' Orang-orang Tuhan atau '*the Chosen People of God*' atau Bangsa Pilihan Tuhan.⁵⁵

Sesungguhnya pemilihan bangsa Yahudi sebagai 'Bangsa Pilihan Tuhan' adalah merupakan manifestasi kasih sayang Tuhan Yahweh terhadap bangsa Yahudi itu sendiri dan pernyataan kasih sayang itu dilaksanakan dalam bentuk pemilihan. Maka sebagai Umat Pilihan Tuhan yang secara langsung memperlihatkan keagungan bangsa Yahudi itu sendiri.

Untuk melihat secara realistik dan objektif penganalisaan dasar konsep 'Bangsa Pilihan Tuhan', kita perlu merujuk nas-nas yang dikemukakan oleh kitab Taurat. Dalam Taurat terdapat kenyataan seperti berikut (terjemahannya):

"Dan katakanlah (wahai Musa) kepada Firaun, "bahawa inilah yang difirman oleh Tuhan, 'Sesungguhnya (bangsa) Israel adalah anakKu yang sulung."⁵⁶

Melalui nas yang dikemukakan di atas, dapatlah kita fahami bahawa orang-orang Yahudi menganggap diri mereka sebagai "Anak Sulung Tuhan" (dalam erti kata mereka adalah manusia yang utama sekali). Dalam minda mereka tertanam babit-babit perasaan tinggi diri, megah dan sompong selaras dengan dakwaan mereka sebagai "Bangsa Pilihan Tuhan" di muka bumi ini. Taurat menjelaskan (terjemahannya):

"Lakukan hal itu, kerana kamu adalah milik Allah Tuhanmu. Di antara semua bangsa di bumi, Dia telah memilihmu untuk menjadi umatNya yang istimewa. Tuhan mengasihi kamu bukan kerana bilanganmu yang lebih besar daripada bangsa-bangsa lain; sebenarnya kamu adalah bangsa terkecil di muka bumi, tetapi Tuhan mengasihi kamu dan Dia hendak memenuhi janji yang dibuatNya dengan nenek moyangmu."⁵⁷

Selain itu, orang-orang Yahudi juga menganggap bahawa mereka merupakan bangsa yang 'disucikan' oleh Allah Taala dan kerana itulah mereka 'wajib' memisahkan diri mereka dengan bangsa-bangsa lain yang dianggap kotor oleh mereka. Taurat menyatakan (terjemahannya):

"Kamu harus suci dan menjadi milikKu semata-mata, kerana Aku ialah Tuhan dan Aku Maha Suci. Aku sudah memisahkan kamu daripada bangsa-bangsa lain (yang kotor), supaya kamu menjadi milikKu semata-mata."⁵⁸

⁵⁵ Ismail Abdul Rahman. *op. cit.* hlm. 9.

⁵⁶ Exodus 4: 22-23.

⁵⁷ Deutronomy 7: 6-8.

⁵⁸ Leviticus 20: 26.

Melalui ayat ini kita mendapati bahawa bangsa Yahudi menjadi suatu bangsa yang bersifat *cauvinistik, egoistik, diskriminasi ras* dan *partikularistik*. Mereka menganggap diri mereka suci dan bangsa lain tidak suci sama sekali. Daripadauraian di atas dapatlah difahami bahawa faktor *darah keturunan* merupakan faktor penentu bagi agama Yahudi untuk memilih sesuatu bangsa (bangsa Yahudi) menjadi ‘Bangsa Pilihan Tuhan’.

Di samping itu, orang-orang Yahudi mengagung-agungkan bangsa mereka, di samping turut memandang hina kepada bangsa-bangsa lain yang dikenali oleh mereka sebagai *goyim*.⁵⁹ Mereka beranggapan bahawa bangsa-bangsa lain itu hina dan wajar dijadikan khadam atau hamba kepada bangsa Israel sahaja. Jika sesuatu bangsa itu enggan berkhidmat dengan bangsa Israel atau Yahudi, darah mereka ‘halal’ untuk dibunuh. Taurat menjelaskan (terjemahannya):

*“Apabila kamu menyerang sebuah kota, terlebih dahulu berilah penduduk kota itu peluang untuk menyerah diri (berdamai). Jika mereka membuka pintu gerbang kota dan menyerah diri, mereka akan menjadi hamba kamu dan berkhidmat denganmu. Tetapi jika penduduk kota itu tidak mahu menyerah diri, dan lebih suka memerangi kamu, kelilingilah kota itu dengan tentera kamu. Tetapi apabila Allah Tuhanmu membolehkan kamu merebut kota itu, bunuhlah tiap-tiap lelaki di situ. Kamu boleh merampas wanita-wanita, kanak-kanak, haiwan ternakan dan semua yang ada di dalam kota itu.”*⁶⁰

Kitab Taurat menyebut bahawa orang-orang Yahudi adalah Rakyat Pilihan Tuhan dan rakyat-rakyat lain adalah hamba abdi. Pada pandangan mereka rakyat-rakyat lain pula wajar berkhidmat kepada orang-orang Yahudi selama-lamanya. Menurut Nahmarr Jamil, orang-orang Yahudi telah memasukkan unsur-unsur perkauman, ketaksuhan dan pengasingan ke dalam kitab-kitab suci mereka. Mereka menganggap diri mereka sebagai “Bangsa Pilihan Tuhan” dan rakyat terbaik di muka bumi. Tuhan Yahweh adalah tuhan khusus untuk mereka sahaja. Mereka juga tidak membenarkan rakyat-

⁵⁹ Goyim ataupun disebut juga sebagai Gentiles. Ia merujuk kepada orang yang bukan Yahudi samada dari segi keturunan atau agama. Orang-orang Yahudi menganggap bahawa manusia bukan berbangsa atau beragama Yahudi (*Goyim*) sebagai haiwan yang sewajarnya berkhidmat sebagai hamba kepada bangsa mereka. Selain itu mereka juga menganggap bahawa *Goyim* sebagai bangsa yang kotor dan mereka perlu menjauhkan diri daripada mereka agar tidak terkena kotoran yang dibawa oleh *Goyim*. Sila lihat buku yang ditulis oleh Gedalyahu Alon. *Jew Judaism and Classical and World: Studies in Jewish History in the Times of the Second Temple Juruselam*: Magnes Press, 1977. Hlm. 147.

⁶⁰ Deuteronomy 20: 10-14.

rakyat lain menghubungi Tuhan mereka.⁶¹ Penulis ingin memetik pandangan Lewis M. Hophe mengenai bangsa Yahudi di dalam bukunya yang bertajuk *Religion of the World*:

"Ketika (orang-orang Yahudi) berada dalam buangan di Babylon, agama Ibrani berubah menjadi agama Yahudi. Pada masa inilah Tuhan yang dianggap sebagai Tuhan kepada bangsa Yahudi sahaja yang campur tangan untuk melindungi mereka. Malah menundukkan semua bangsa di dunia dibawah arahan bangsa pilihanNya."⁶²

Al-Qur'an al-Karim tidak menafikan bahawa Allah Taala melebihkan kaum Bani Israel berbanding kaum-kaum lain sebagai ujian terhadap iman mereka, sebagaimana firman Allah:

*"Wahai Bani Israel! Ingatlah nikmatku yang telah Aku anugerahkan kepada kamu dan sesungguhnya Aku telah melebihkan kamu daripada bangsa-bangsa lain."*⁶³

Setengah ulama' mengatakan bahawa sebab Allah Taala melebihkan mereka ialah kerana ramainya Anbiyā' atau Nabi-nabi yang diutuskan di kalangan Bani Israel, tetapi ramai Anbiyā' diutuskan itu menandakan bahawa Bani Israel merupakan umat yang keras hati dan sukar untuk dibentuk. Ini terbukti setelah nabi dan rasul mereka sudah tiada, mereka terus murtad lantas melakukan kefasikan.⁶⁴

Firman Allah (maksudnya):

"Dan ketika Kami mengambil perjanjian setia dengan Bani Israel (dengan firman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada dua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah solat dan berilah zakat." Kemudian kamu berpaling membelaikan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu dan

⁶¹ Nahmar Jamil. *Mengenal Perwatakan Yahudi*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1987. hlm. 4.

⁶² Lewis M. Hophe. *Religion of the World*. Cet. 3. New York: Macmillon Publishing Co., 1976. hlm. 325.

⁶³ Al-Qur'an 2:47.

⁶⁴ Rozali Adam. *Al-Qur'an: Di antara Tafsir dan Israiliyyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 110.

sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.”⁶⁵

Walaupun kaum Bani Israel atau Yahudi telah banyak menerima nikmat dari Allah S.W.T. tetapi mereka tetap menderhaka terhadap Allah Taala dengan mengubah keterangan di dalam kitabNya (Taurat) dan mendustakan para rasulNya. Orang-orang Yahudi jelas mendewa-dewakan keturunan mereka sehingga sanggup mendakwa bahawa mereka lahir satu-satunya umat termulia dan kekasih Allah Taala, tetapi Allah Taala menolak dakwaan mereka melalui firmanNya:

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: “Kami adalah anak-anak Allah dan kekasihNya.” Katakanlah (wahai Muhammad): “(Kalau betul demikian), maka mengapakah Ia menyeksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? (Sebenarnya bukanlah sebagaimana yang kamu dakwakan) bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang diciptakanNya.”⁶⁶

Kenyataan ayat ini jelas menafikan kelebihan bangsa Yahudi sebagai keturunan yang teristimewa. Al-Qur'an terang-terangan menjelaskan bahawa jika benar kaum Yahudi dilebihkan daripada manusia biasa yang lain, mengapa seksaan dikenakan ke atas mereka lantaran kejahatan dan kesesatan yang mereka lakukan. Mereka tidak lebih daripada manusia biasa yang diciptakan oleh Allah.

Di dalam Islam, sememangnya wujud konsep Bangsa Pilihan Tuhan, tetapi kewujudannya tidaklah berbentuk perkauman, cauvinistik, partikularistik dan ia tidak berdasarkan kepada faktor-faktor darah keturunan seperti yang difahami dalam agama Yahudi. Ini berdasarkan firman Allah Taala dalam al-Qur'an:

“Kamu (umat Islam) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk kepentingan (seluruh) manusia, supaya kamu mengerjakan kebaikan dan kamu melarang daripada melakukan kemungkaran serta beriman dengan Allah Taala.”⁶⁷

Penganalisaan terhadap firman Allah ini menunjukkan bahawa umat Islam adalah merupakan *Umat Pilihan Tuhan* di muka bumi ini dan pemilihan ini sesungguhnya didasarkan kepada konsep *“menyuruh umat manusia kepada mengerjakan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran serta beriman kepada Allah Taala”* dan pelaksanaan ini selaras dengan tanggungjawab manusia Islam sebagai *“khalifah”*

⁶⁵ Al-Qur'an 2:83.

⁶⁶ Al-Qur'an 5:18.

⁶⁷ Al-Qur'an 3:110.

yang diberi tanggungjawab oleh Allah untuk memakmurkan bumi ini.⁶⁸

Perlu dijelaskan di sini bahawa Islam yang diturunkan oleh Allah ini bukanlah milik sesuatu bangsa sahaja seperti agama Yahudi, tetapi ia adalah milik semua insan mukmin tanpa mengira bangsa atau warna kulit yang menerima dan menghayati konsep *syahadah*: - "*Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad s.'a.w. itu adalah hamba dan rasulNya.*" serta menerima, mematuhi dan menghayati konsep dan doktrin-doktrin Islam. Implikasi daripada penganalisaan teks di atas menunjukkan bahawa agama Islam bersifat *universal* tidak taksub perkauman seperti agama Yahudi dan menolak konsep nasionalisme yang hanya didasarkan oleh atas konsep ras dan perkauman yang sempit.

KESIMPULAN

Melalui analisis-analisis yang telah dikemukakan, didapati bahawa banyak bukti-bukti yang menjelaskan tentang penyelewengan isi kandungan kitab Taurat. Penyelewangan ini semestinya dilakukan oleh para pendita Yahudi yang hilang pertimbangan serta tidak bertanggungjawab terhadap ilmu yang ada pada mereka. Mereka sanggup memutarbelitkan dan mengubah ayat-ayat Taurat sehingga hilang dan lenyap ajaran sebenar Nabi Musa a.s. yang terkandung di dalamnya itu. Mereka kononnya mendakwa bahawa Nabi Musalah yang menulis firman-firman Allah tersebut, padahal mereka lah yang sebenarnya mencipta dan mengubah pelbagai hukum dan ajaran Taurat itu sehingga ia menjadi sesat lagi menyesatkan.

Para pendita Yahudi bertanggungjawab mendustai sifat-sifat Allah Taala, memburuk-burukkan peribadi para nabi dan rasul mereka, mencipta kisah-kisah rekaan mengenai kemuliaan bangsa mereka sebagai "Bangsa Pilihan Tuhan." Sememangnya mereka ini tergolong dalam kategori "sejahat-jahat makhluk" dan mereka kelak dijanjikan oleh Allah S.W.T. dengan azab yang pedih.

Apa yang pasti menurut catatan sejarah, orang-orang Yahudi telah memalsukan ajaran kitab Taurat dan memasukkan cerita-cerita dongeng dan falsafah-falsafah sesat di dalamnya ketika mereka menjadi "orang buangan di Babylon". Mereka telah terpengaruh dengan budaya dan kepercayaan masyarakat Babylon sehingga mereka (para pendita Yahudi) telah berjaya memasukkan "pengaruh asing" tersebut dan sejarah peradaban bangsa Yahudi ke dalam kitab mereka.

Setelah beberapa abad berlalu, dengan kasih dan sayang Allah Taala kepada hamba-hambanya, Dia telah menurunkan al-Qur'an al-Karim kepada Nabi

⁶⁸ Ismail Abdul Rahman. *op. cit.* hlm. 11.

Muhammad s.'a.w., iaitu kitab terakhir yang mengandungi hidayah dan petunjuk kepada seluruh umat manusia. Dengan penurunan al-Qur'an ini, Allah Taala telah menasahkan syariat terdahulu (agama Yahudi dan Nasrani) dan ia juga menggantikan peranan kitab-kitab yang diturunkan terdahulu daripadanya. Allah Taala juga telah memberikan jaminanNya untuk memelihara isi kandungan kitab al-Qur'an tersebut daripada sebarang penukaran dan penyelewengan seperti yang berlaku kepada kalam-kalam Allah yang lalu.

Al-Qur'an juga telah menceritakan kepada kita tentang keburukan kaum Yahudi sama ada dari segi akhlak dan kedegilan mereka menerima petunjuk Allah dan rasulNya. Apa yang jelas ialah al-Qur'an juga telah membongkarkan rahsia para pendita Yahudi yang menyelewengkan kitab Taurat! Oleh itu, Allah S.W.T telah melaknat mereka atas dosa-dosa yang telah dilakukan oleh mereka.

Justeru, ingin sekali penulis memetik tulisan yang dihasilkan oleh Ahmed Deedat yang bertajuk *Is the Bible Gods Words?*. Beliau telah mengutarakan pendapat yang dikemukakan oleh Dr. W. Graham Scroggie, seorang sarjana Kristian dari Moody Bible Institute Chicago (Amerika Syarikat). Dr. W. Graham berkata:

“Yes, the Bible is (made by) human, though some, out of a zeal which is not according to knowledge, have denied this. Those books have passed through the minds of men, are written in the language of men, were penned by the hands of men and bear in their style the characteristics of men.”⁶⁹

Melalui kata-kata tersebut, jelaslah bahawa Bible itu dicipta oleh manusia dan kitab yang terkandung di dalamnya telah diperturunkan oleh akal manusia, ditulis oleh bahasa manusia dan ditulis oleh tangan-tangan manusia dan gayanya (penulisannya) dipenuhi dengan ciri-ciri kemanusiaan (dan bukan dari Tuhan).

⁶⁹ Ahmed Deedat. *Is the Bible Gods Word?* Durban: The Islamic Propagation Centre, 1980. hlm. 1.